

26/01/2002

Wisma Putra hantar bantahan kepada AS

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Wisma Putra hari ini menyerahkan bantahan rasmi kepada Amerika Syarikat berhubung layanan buruk negara itu terhadap pejuang Taliban dan al-Qaeda yang ditahan di kem tahanan di Cuba.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia berpendapat askar Taliban dan al-Qaeda adalah tawanan perang yang perlu diberi layanan mengikut ketetapan Konvensyen Geneva.

"Memo bantahan ini bukan bermakna kita membantah usaha memerangi keganasan, tetapi berpendapat pejuang Taliban sebenarnya adalah tawanan perang," katanya ketika ditanya keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno meminta Kementerian Luar menghantar memo bantahan itu.

Syed Hamid yang ditemui pada majlis Penubuhan Cawangan Umno Losong Nyiur Kembar dalam bahagian Kuala Terengganu berkata, memo itu diserahkan oleh pegawai Wisma Putra kepada kedutaan Amerika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT mengambil perhatian layanan Amerika terhadap 158 tawanan Taliban di Kem X-Ray yang turut dikecam kumpulan hak asasi Barat.

MT menyuarakan protes terhadap tindakan Amerika terhadap pejuang Taliban yang ditawan dan dipenjara di Cuba kerana menganggap ia tidak berperikemanusiaan.

Syed Hamid berkata, tindakan Amerika melayan tawanan dengan menutup mata, telinga dan muka bertopeng serta merantai tangan dan kaki adalah perbuatan tidak berperikemanusiaan.

Beliau berkata, bantahan Malaysia itu sama dengan pandangan pakar undang-undang antarabangsa, Pasukan Palang Merah dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antarabangsa.

Di KUALA LUMPUR, Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie Huhtala berkata, 158 tawanan yang ditahan di Kem tahanan tentera di Teluk Guantanamo itu bukan tawanan perang, sekali gus tidak layak menerima perlindungan berdasarkan Konvensyen Geneva.

Beliau berkata, ini kerana pejuang Taliban dan al-Qaeda tidak mewakili kerajaan yang sedang berperang dengan Amerika dan mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas.

"Mereka (tawanan Taliban dan al-Qaeda) bukannya orang baik. Kami percaya mereka mengetahui lebih daripada yang didedahkan setakat ini.

"Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) baru-baru ini melawat mereka dan membuat beberapa cadangan kepada kerajaan dan kami sedang melaksanakannya bersama ICRC," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Anugerah Warga Korporat 2001 oleh Dewan Perniagaan AS yang diberikan kepada Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM) bagi program usahawan muda, di sini hari ini.

Beliau mengulas kritikan pelbagai pihak mengenai layanan buruk negara itu terhadap askar Taliban dan al-Qaeda di kem itu.

Sementara itu, Huhtala berkata, kedutaannya belum menerima memo bantahan dari Malaysia membabitkan layanan buruk kepada tawanan Taliban di pangkalan itu.

(END)